



سوراء افرتمن ليلي قتالينغ

SURAU APARTMEN LILI PETALING

JAWI.KZ5/M040/SB0556(2024)

TINGKAT 8, APARTMENT LILI PETALING, NO. 8, JALAN KUCHAI MAJU 13,
TAMAN KUCHAI ENTREPRENEURS,
58200 KUALA LUMPUR
SURAULILI.COM

Memo: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Surau 2026

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Tuan/Puan yang dihormati,

Bertepatan dengan garis panduan pentadbiran undang-undang Islam wilayah-wilayah persekutuan (32.1), dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Surau bagi tahun 2026 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 7 Februari 2026

Masa: 10.00 pagi – 11.00 pagi

Tempat: Tingkat 8, Surau Apartmen Lili

Beberapa perkara untuk makluman bersama:

1. Sarapan akan disediakan kepada semua hadirin.
2. Potluck daripada para jemaah adalah amat dialu-alukan.

Agenda Mesyuarat:

1. Ucapan alu-aluan Pengerusi;
2. Pengesahan minit mesyuarat lalu;
3. Laporan aktiviti surau;
4. Laporan kewangan;
5. Perbincangan usul yang diterima daripada anak kariah;
6. Pemilihan anggota Jawatankuasa Surau, jika perlu; dan
7. Hal-hal lain.

Kuorum Mesyuarat Agung Tahunan:

Minimum 20 orang anak kariah

Sehubungan itu, tuan/puan yang beragama Islam dijemput hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis ini serta bermusyawarah menyumbang idea demi kemajuan dan keberkatan surau kita.

Kerjasama dan kehadiran tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Yang menjalankan amanah,
Muhammad Zunnur bin Mohd Suhaimi
Pengerusi Surau